

Headline	Sifar kematian		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	34	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	802 cm ²
Journalist	Rosyahaida Abdullah	AdValue	RM 29,620
Frequency	Daily	PR Value	RM 88,859



Sifar kematian

Kementerian Kesihatan tingkat akses lebih baik kepada mereka dijangkiti HIV/Aids

>>Oleh Rosyahaida Abdullah
rosyahaida@hmetro.com.my

TARIKH 1 Disember setiap tahun adalah sambutan Hari Aids Sedunia yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai HIV dan Aids serta mengingatkan jutaan manusia di seluruh dunia yang hidup dengannya. Sejak tahun lalu, Menuju Sifar - Sifar Jangkitan Baru HIV, Sifar Diskriminasi dan Sifar Kematian Berkaitan Aids dipilih sebagai tema oleh WHO yang akan digunakan untuk tempoh lima tahun.

Di negara ini khususnya, Kementerian Kesihatan (KKM) tidak terkecuali menyokong sambutan ini ke arah memperluaskan tindakan lebih berkesan dalam menangani wabak berkenaan.

Pada 2011, sambutan KKM lebih menekankan sifar jangkitan baru iaitu ke arah penghapusan transmisi vertikal namun tumpuan pada tahun ini diberikan kepada sifar kematian berkaitan HIV dan Aids.

Fokus ini selaras usaha kerajaan meningkatkan akses lebih baik kepada mereka yang dijangkiti bagi membolehkan golongan ini mendapatkan rawatan, jagaan dan sokongan terbaik.

Menerusi sambutan ini, KKM berhasrat menghasilkan sesuatu yang positif bagi menangani wabak ini antaranya ke arah mengurangkan kadar kematian mereka positif HIV akibat penyakit tibi serta kema-

tian ibu berkaitan Aids kepada 50 peratus. Jangkitan HIV baru melalui transmisi seksual termasuk di kalangan orang muda dan pekerja seks juga diharap dapat dikurangkan kepada 50 peratus.

Pada masa sama, KKM cuba meningkatkan kebolehcapaian rawatan Antiretroviral (ARV) bagi mereka yang layak, sekali gus mengurangkan kadar kematian akibat jangkitan tibi melalui kaedah ini juga berupaya mengurangkan risiko penularan kepada pasangan serta bayi dalam kandungan.

Semua ini diharap mampu meningkatkan kualiti kehidupan mereka yang positif HIV dan memastikan golongan berkenaan serta ahli keluarga mereka memperoleh kebolehcapaian kepada jagaan asas serta sokongan.

KKM turut berusaha ke arah mencegah semua jangkitan baru di kalangan pengguna dadah dan menghapuskan jangkitan HIV secara vertikal iaitu jangkitan dari ibu kepada anak.

Dalam pada itu, KKM berharap dapat memberi perhatian kepada keperluan khusus bagi wanita dan gadis sekurang-kurangnya separuh daripada maklum balas HIV kebangsaan.

Semua usaha dilakukan KKM bermatlamat mengubah fenomena wabak ini di Malaysia dan mengharapkan masyarakat menjalani saringan HIV, berterusterang mengenai status mereka dan mengambil

rawatan sepatutnya.

Pelaksanaan aktiviti sempena sambutan ini akan meningkatkan kesedaran semua pihak daripada pelbagai lapisan masyarakat mengenai peranan serta komitmen mereka dalam usaha menangani masalah HIV serta Aids ke arah melahirkan generasi yang bukan saja sihat fizikalnya, tetapi juga dari segi keperibadian dan spiritual.

Kejayaan dalam melaksanakan sambutan ini memerlukan sokongan dan komitmen teguh dari pelbagai pihak.



Tumpuan pada tahun ini diberikan kepada sifar kematian berkaitan HIV dan Aids"

>>Dato' Sri
Liow Tiong Lai
Menteri Kesihatan Malaysia

